

JHEP anjur bengkel solekan dan penampilan diri


UB 18.4.2019 32

KOTA KINABALU : Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Bahagian Kebudayaan & Kesenian dengan kerjasama The Body Shop dan Dyxy Cosmetic menganjurkan Bengkel Solekan

dan Penampilan Diri (Tatarias) di Bilik Seminar, JHEP, UMS, pada Ahad.

Penyelaras program bengkel ini adalah Puan Norain Abd Razak, Artis Budaya Kanan, JHEP, UMS.

Objektif bengkel ini adalah



MOHD Sharizan Mohd Tahir @ Sakinah sedang membuat solekan kepada peserta bengkel.



PENYAMPAIAN cenderahati kepada penceramah Mohd Sharizan Mohd Tahir @ Sakinah


membentuk ketrampilan dan imej serta meningkatkan keyakinan diri seseorang, memupuk semangat seseorang untuk sentiasa kelihatan cantik dan bergaya, memberi

pengetahuan tentang penggunaan alat solek yang betul dan mengeratkan jalinan silaturahim dikalangan mahasiswi dengan peserta luar.

Seramai 40 orang peserta menyertai bengkel berkenaan.

Penceramah jemputan adalah Mohd Sharizan Mohd Tahir @ Sakinah, Make Up Artist (MUA) dan Sharifah Yong Nadia Omar @ Kak yong, Beauty Consultant (Skin Awareness).

Pihak penganjur akan mengadakan lagi bengkel seumpama ini pada masa akan datang atas permintaan semua peserta bengkel Solekan dan penampilan 2.0 yang bakal diadakan pada semester hadapan.



SESI bergambar bersama peserta bengkel solekan dan tatarias.